

kenaikan pangkat	kolar biru	masalah keciciran	menyambung pengajian
ditambah baik	jangka pendek	pandangan negatif	sukar dikikis
pengalaman bekerja	berkelulusan sederhana	norma kehidupan	merealisasikan hasrat
berkemahiran tinggi	menaik taraf	berperanan penting	berorientasikan industri

Sikap memandang rendah terhadap murid sekolah teknik dan vokasional masih menebal dalam kalangan masyarakat. Perasaan ini timbul kerana murid yang memasuki sekolah teknik dan vokasional _____ dalam peperiksaan PT3 dan gagal meneruskan pengajian akademik. Meskipun sering ditegaskan bahawa masa hadapan lepasan sekolah teknik dan vokasional yang bercorakkan kemahiran agak cerah, namun hakikatnya tanggapan orang ramai terhadap pendidikan ini _____. Akibatnya, hanya 7% murid yang berminat untuk memasuki sekolah teknik dan vokasional.

Untuk mengubah _____ terhadap lulusan teknik dan vokasional ini, sistem pendidikan perlu menyedarkan orang ramai bahawa ruang dan laluan memang disediakan bagi lulusan dalam bidang kemahiran. Ruang dan laluan ini _____ dari masa ke semasa bagi menarik minat murid-murid yang mengalami _____ dalam sistem pendidikan formal untuk memilih sistem pendidikan teknik dan vokasional. Peluang melanjutkan pelajaran untuk lepasan sekolah teknik dan vokasional kini sudah tidak terhad kepada politeknik atau institut kemahiran semata-mata. Sebaliknya, mereka boleh terus _____ ke pusat pengajian tinggi awam seperti UniKL, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Kolej-kolej Universiti, dan universiti lain di dalam dan di luar negara yang diiktiraf oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Menaik taraf lulusan dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional juga merupakan antara usaha yang harus dilakukan. Dalam hal ini, guru-guru _____ untuk memberikan penerangan kepada masyarakat bahawa tidak ada bezanya antara sistem pendidikan teknik dan vokasional dengan pendidikan akademik. Dengan wujudnya peluang pekerjaan yang semakin meluas, gaji yang lumayan, dan _____ yang lebih cepat dalam sektor pekerjaan vokasional, pandangan masyarakat harus berubah dan memandang tinggi terhadap pekerjaan _____.

Pengiktirafan sijil kemahiran seperti Sijil Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) supaya setaraf dengan akademik juga wajar diterima sebagai usaha untuk _____ lulusan teknik dan vokasional. Dari segi kualiti pendidikan vokasional pula, tenaga pengajar di institusi latihan teknik dan vokasional perlu mempunyai pengetahuan yang terkini, _____, dan mempunyai _____ dalam industri. Justeru itu, tenaga pengajar amat digalakkan untuk menjalani kerja-kerja perundingan di industri dan menghadiri kursus latihan teknikal _____.

Kesimpulannya, pendidikan teknik dan vokasional wajar diperkasakan bagi memastikan pengurusan organisasi dan perkhidmatan di Malaysia dapat memenuhi matlamat Wawasan 2020. Untuk _____ tersebut, generasi muda hendaklah disemaikan dengan sikap dan _____ yang baik agar mereka menjadi pekerja yang _____. Hal ini amat penting kerana hasil daripada kekuatan ekonomilah akan terbinanya negara yang kuat dan dihormati pada peringkat antarabangsa.